



Bahagian Hal Ehwal Pelajar Alumni

edisi 2/2007 : Feb - Jun 2007

BULETIN HEPA

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



UTeM Anjurkan Pameran Kerjaya

UTeM Juara Fiesta Muzika MAKUM 2007

LB
3602
.B84
2007
a
v2



PENAUNG

Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor Husin

PENASIHAT

En. Zainudin Ahmad

EDITOR

Cik Junaidah Kasim

PENGARANG

Tn. Hj. Mohamad Bokhari
 En. Md. Nor Ali
 En. Azhar Mohd Salleh
 En. Ishak Amin
 En. Ahmad Faizal Abdul Rahman
 Cik Norhafizah Md. Yusoh
 En. Amir Ali
 En. Mohd Nizam Mazlan

PEMBACA PRUF

Cik Norhafizah Md. Yusoh
 En. Syamsul Iqbal Mohd Akir
 Cik. Siti Aishah Mat Zain

PUBLISITI & PROMOSI

Pn. Norhayati Mahat
 Pn. Siti Fairus Abu Bakar


Penghargaan & Terima Kasih
 Penerbit Universiti UTeM

Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni
 Universiti Teknikal Malaysia Melaka
 Karung Berkunci 1200, Hang Tuah Jaya,
 75450 Ayer Keroh, Melaka
 Tel : 06-2332435
 Fax : 06-2332441

LB3602 .B84 2007 v2



8 751588 1



- Majlis Perancangan Strategik, 2007
 HEPA dan F.A.H.U. untuk Pameran Kerjaya UTeM 2007
 Majlis Perancangan Strategik, Majlis Perwakilan Pelajar
 Sesi 2006/2007
- UTeM Terlibat Dalam Menjayakan Pekan Fest 2007
 - Kursus Pengurusan Jenazah
 - Program Sukarelawan Mentor MENTEE Kelab Penyayang UTeM Bersama Anak-Anak Yatim PKAYIDJ
 - Kursus Keusahawanan SISWA (KAKS) UTeM Beri Manfaat Kepada Peserta
 - Latihan Keusahawanan Siswa Modul 5
 - Seminar Kenegaraan BTN UTeM 2007
 - Majlis Pelantikan Dan Akuan Sumpah Pegawai Kehormat Dan Anggota SUKSIS UTeM
 - Aktiviti Kelab Penyayang
 - UTeM Giatkan Promosi di Kalangan Pelajar Kolej Matrikulasi
 - Kursus Pemantapan Jati Diri dan Kecemerlangan Akademik
 - Program Ramah Mesra Bersama MPP UTeM dan MPP UUM, UUM, UIA dan UPM
 - Bengkel Perancangan Strategik, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2006/2007
 - Majlis Spring Festival Sempena Tahun Baru Cina
 - Atlit Olahraga Menyerlah di Arena Sukan MASUM 2007

Apa Kata

editor



Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah kerana limpah kurniaNya dapatlah saya menyempurnakan Buletin HEPA untuk keluaran yang ke-2 pada tahun 2007 ini. Adalah menjadi tanggungjawab saya sebagai Ketua Editor serta bantuan daripada ahli Sidang Ridaksi untuk memastikan majalah ini dikeluarkan dan ianya dijadikan sebagai pengumpulan pendokumentasian aktiviti yang berlaku disepanjang tahun 2007.

Masa berjalan begitu pantas, tanpa disedari semester 1 2007/2008 telah tiba dengan kehadiran Mahasiswa/i baru pada 1 Julai 2007. Saya dan seluruh staf Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, mengalu-alukan kehadiran mereka di UTeM dan tahniah kerana berjaya menamatkan Minggu Haluan Siswa sesi 2007/2008 dengan jayanya. Semoga MHS yang mungkin boleh dikenali sebagai sesi berkenalan di antara Mahasiswa/i baru dan UTeM dapat memberikan banyak pengalaman, pengetahuan, tunjuk ajar serta membina hubungan dengan pelajar senior serta staf universiti.

Melalui era globalisasi ini tidak dinafikan pelbagai cabaran yang dihadapi, sekiranya tidak kukuh ketahanan diri, maka kebanyakannya akan hanyut dengan keseronokan dan hiburan di kampus ekoran daripada terpengaruh dengan gejala-gejala sosial. Saya amat berharap agar mahasiswa/i yang baru ini menjadi insan yang bukan sahaja cemerlang akademiknya malah mempunyai sahsiah yang terpuji dan memahami tanggungjawab sebagai seorang pelajar. Pilihlah idola yang baik persis sahabat-sahabat Nabi merupakan golongan yang berjaya. Mereka tidak mencintai dunia, justeru mereka menguasainya. Kecintaan mereka dihadapkan kepada akhirat dan bagi mereka dunia hanyalah tempat mencari bekalan persis musafir di dalam perjalanan. Mereka memahami dan menghayati sabda Nabi yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud, "Jadilah kamu di dunia seperti seorang yang bermusafir ataupun seorang yang sedang melalui suatu jalan." Cinta terhadap dunia perlu digantikan dengan cinta terhadap Allah tanpa mengabaikan dunia. Kecintaan terhadap Allah akan melahirkan perasaan cinta terhadap akhirat dan ia mempunyai manifestasinya. Di antara manifestasinya ialah berani melawan arus kesesatan dan kemungkaran yang melanda.

Jadikan diri kita insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang di dunia dan di akhirat. Rebutlah segala peluang dan ilmu yang ada di sini, perkukuhkan perpaduan di antara kita dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh BHEPA dan Universiti serta bersama-sama mengembleng tenaga berusaha untuk menjadikan universiti ini sebagai universiti yang terkemuka di dunia. Akhir kata dari saya sambutlah salam perkenalan, eratkan perpaduan, kejarlah dan milikilah amanah yang dijanjikan di kampus UTeM ini.

Editor
 Junaidah Kasim

Pada 23 - 24 Mac 2007, seramai 12 orang pelajar dari Kumpulan Orkestra UTeM telah menyertai Pertandingan Fiesta Muzika MAKUM 2007 di Universiti Malaysia Perlis. Pertandingan ini merupakan program anjuran Universiti Malaysia Perlis sebagai tuan rumah dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM). Sebanyak 13 IPTA telah menyertai pertandingan tersebut dan hanya 6 IPTA yang layak ke peringkat akhir iaitu :

- ★ Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP)
- ★ Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
- ★ Universiti Sains Malaysia (USM)
- ★ Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
- ★ Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- ★ Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

UTeM buat julung kalinya telah berjaya menaikkan nama universiti dengan mendapat 2 Anugerah iaitu tempat Pertama (Johan) dan Anugerah Persembahan Terbaik. Anugerah kejayaan yang penuh gemilang itu telah disampaikan oleh Cancellor UNIMAP sendiri iaitu D.Y.M.M Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullai. Kejayaan ini sedikit sebanyak berjaya mengangka: nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan membuktikan: bahawa universiti yang berteraskan teknikal juga mampu diiktiraf dalam bidang seni muzik meskipun tanpa sebarang pengkhususan dalam bidang tersebut.

UTeM JUARA FIESTA MUZIKA MAKUM 2007



HEPA dan Fakulti anjurkan Pameran Kerjaya UTeM 2007



KAMPUS INDUSTRI,- 5 April : Unit Alumni dan Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Fakulti dan Pusat Universiti – Industri (UNIC) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menganjurkan Pameran Kerjaya UTeM 2007 buat julung kalinya.

Program selama tiga hari ini telah diadakan di Kampus Industri UTeM di mana sasaran utama program ini adalah untuk pelajar tahun akhir. Pameran Kerjaya UTeM 2007 ini menghimpunkan sebanyak 30 buah agensi / syarikat / industri bagi mengadakan pameran peluang kerjaya di agensi / syarikat / industri masing-masing yang bertujuan memberi pendedahan kepada bakal-bakal graduan UTeM tentang peluang pekerjaan yang terdapat dalam pasaran pekerjaan. Di antara program yang berlangsung sepanjang Pameran Kerjaya UTeM 2007 ini adalah sesi temuduga terbuka, ceramah kerjaya, pameran syarikat dan lain-lain lagi.

Majlis perasmian Pameran Kerjaya UTeM 2007 ini telah disempurnakan oleh Y. B Datuk Hj. Yaakub Md Amin, Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran dan Pengajian Tinggi Melaka yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tangga Batu. Antara lain, beliau menekankan tentang peripentingnya bakal graduan mempunyai kemahiran generik (soft skills) bagi membolehkan mereka memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam dunia pekerjaan yang sebenar. Menurut beliau juga kemahiran generik seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berkomunikasi, kemahiran bekerja secara berkumpulan dan sebagainya merupakan ciri-ciri yang amat perlu difahami, dikuasai dan seterusnya mampu diamalkan oleh setiap graduan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi.

Di antara syarikat yang turut menjayakan Pameran Kerjaya UTeM 2007 ini adalah Petronas, Unisem (M), PPK Technology Sdn. Bhd., National Institute Of Occupational Safety and Health Malaysia (NIOSH), Cubic Electronics Sdn. Bhd., Huntsman Tioxide (Terengganu), Job Market Malaysia Sdn. Bhd., Pejabat Tenaga Kerja Negeri Melaka, Pioneer Technology (Malaysia) Sdn. Bhd. dan lain-lain lagi.



Interaksi Dua Hala Kelab Penyayang UTeM & Kelab Penyayang USIM

SEKITAR PROGRAM INTERAKSI DUA HALA KELAB PENYAYANG UTeM & USIM....



Mohd Hafiz B. Mohd Zainul,
Pengerusi
Kelab Penyayang USIM



Melihat Tayangan Video
Dari Kelab Penyayang UTeM



Bergambar Bersama



Perbincangan Dua Orang
Pengerusi Kelab



Melawat Bilik Rasmi
Kelab Penyayang UTeM



Bergambar Kenangan Di
Kampus Industri

31 Mac

2007, satu sesi

interaksi dua hala antara

Kelab Penyayang Universiti Teknikal

Malaysia Melaka (UTeM) dan Kelab Penyayang

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah diadakan.

Bertempat di Bilik Kuliah 10 Kampus Industri, ketibaan seramai 10

orang Majlis Tertinggi Kelab Penyayang USIM yang diketuai oleh Pengerusi kelab itu sendiri, saudara Mohd Hafiz b. Mohd Zainul disambut mesra oleh 15 orang Majlis Tertinggi Kelab Penyayang UTeM yang diketuai oleh Pengerusi Kelab Penyayang UTeM, Mohd Iskandar b. Md Sulaiman. Sebaik sahaja diiringi memasuki tempat pertemuan, Pengerusi majlis memberi ucapan aluan selamat datang kepada semua yang hadir.

Seterusnya, tayangan video daripada Kelab Penyayang UTeM yang memaparkan aktiviti kelab sepanjang penubuhannya disajikan kepada tetamu sebagai pembuka majlis. Seterusnya, Pengerusi majlis mempersilakan Pengerusi Kelab Penyayang USIM untuk memberikan ucapan aluan diikuti oleh Pengerusi Kelab Penyayang UTeM. Dalam ucapan kedua-dua pengerusi tersebut, mereka menerangkan tentang aktiviti yang telah dilaksanakan dan perancangan aktiviti kelab pada masa akan datang. Dari sini, banyak input yang diperolehi apabila perancangan aktiviti dibincangkan. Sejurus selepas itu, sesi pengenalan dan ramah mesra antara ahli kelab dimulakan dengan Pengerusi Kelab Penyayang UTeM. Dalam sesi ini, setiap yang hadir diminta untuk menyatakan skop-skop tugas mereka dalam kelab yang dianggotai.

Selepas itu, sesi lawatan sekitar kampus Industri diatur dan diiringi oleh wakil-wakil kelab Penyayang UTeM. Antara lokasi utama lawatan ialah bilik rasmi Kelab Penyayang UTeM yang terletak dalam pejabat MPP UTeM, perpustakaan dan akhir sekali mereka dibawa ke tingkat 7 Bangunan Akademik bagi melihat pemandangan sekitar kampus. Sepanjang lawatan, kami masih sempat bertukar pandangan dan fikiran tentang aktiviti yang telah dilakukan bagi mendapatkan idea tentang sesuatu aktiviti.

Kira-kira pukul 12.30 tengahari, semua yang hadir dijemput untuk makan tengahari bersama-sama. Oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, ahli Kelab Penyayang USIM terpaksa meminta diri untuk pulang lebih awal. Sebelum pulang, kami sempat bertukar cenderahati sesama kami dan merakam gambar sebagai kenangan sebelum pulang. Interaksi seperti ini amat bermanfaat kerana dari sini, kami dapat saling bertukar fikiran dan pandangan bagi memajukan lagi kelab di universiti masing-masing.

BAKTI SISWA Siri 1/2007 Di Pekan Pahang

12 - 15 Mei 2007. Program ini telah melibatkan seramai 60 orang mahasiswa/i Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) iaitu pecahan mengikut kaum seramai 46 orang Mahasiswa/i Kaum Melayu, Kaum India seramai 8 orang, Kaum Cina seramai 4 orang dan lain-lain 2 orang. Penglibatan semua kaum dalam sesuatu program universiti ini adalah penekanan yang diberikan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang mahukan setiap program di universiti perlu melibatkan pelbagai kaum.

Semasa program ini berlangsung, mahasiswa/i telah memberi khidmat bakti seperti mengadakan kelas tutor bahasa Inggeris dan matematik, bengkel penggunaan komputer kepada para pelajar sekolah, bengkel penyelenggaraan motor dan kereta oleh pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Selain itu, program sukaneka, malam persembahan kebudayaan, Ceramah Anti dadah serta lawatan ke rumah Kelahiran Tun Abdul Razak dan Pusat Tenunan Pahang di Pulau Keladi, Pekan, Pahang. Program ini telah dirasmikan oleh Y.B Dato' Hj. Ishak b. Mohd, Ahli Dewan Undangan Negeri Bebah mewakili Y.A.B. Datuk Seri Mohd Najib b. Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Ahli Parlimen Pekan.



BAKTI SISWA Siri 2/2007 Di Gua Musang, Kelantan



5 - 7 Jun 2007 Kelantan bertempat di Felda Chiku 1. Seramai 80 orang pelajar UTeM terlibat iaitu 41 orang pelajar lelaki dan 39 orang pelajar perempuan yang mengikuti program ini. Penglibatan Pelajar meningkat dari Bakti Siswa siri satu dan ini menunjukkan sokongan dan pemahaman pelajar dalam program kemasyarakatan semakin baik.

Pelbagai aktiviti diadakan agar kehadiran mereka di sana dapat dimanfaatkan oleh masyarakat kampung. Para pelajar telah memberi khidmat bakti seperti mengadakan kelas tutor bahasa Inggeris dan matematik; bengkel penggunaan komputer kepada para pelajar sekolah; Ceramah Penjagaan Barangan Elektrik oleh Mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK).

Turut diadakan ialah malam kebudayaan di mana setiap peserta dikehendaki membuat persembahan seperti yang telah ditetapkan. Selain itu, penduduk Felda Chiku 1 tidak ketinggalan untuk membuat persembahan nasyid dan dikir barat pada malam tersebut.


Sesungguhnya melalui program Bakti Siswa ini dapat memupuk sikap keperihatinan pelajar kepada masyarakat luar di samping ianya mampu untuk memantapkan lagi Towering Personaliti di kalangan pelajar. Program ini telah mendapat sambutan yang mengalakkan apatah lagi mendapat sokongan daripada Kerajaan Negeri apabila Y.B Dato' Nozula Mat Diah, ADUN Paloh sudi untuk merasmikan program tersebut.



2 - 4 Mac 2007: Seramai 30 orang pelajar UTeM yang terdiri daripada pelajar MPP dan Sekretariat MPP UTeM telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik di Hotel Seri Malaysia, Genting Highlands, Pahang. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor Husain Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM.

Sesi dimulakan dengan pembentangan setiap exco dan bagi penambahbaikan pembentangan ini, En. Zainudin Ahmad dan En. Azhar Mohd Salleh telah memberikan pandangan bagi penambahbaikan pembentangan tersebut.

Untuk sesi kedua, perancangan tersebut dibentangkan semula setelah mengambil kira pemurnian dan penambahbaikan. Setiausaha Agong MPP akan mengumpulkan perancangan tersebut untuk dijadikan takwim tahunan MPP Sesi 2006/2007.



UTeM Turut Serta Menjayakan Pekan Fest 2007

" PROGRAM KHAS AKADEMIK PEKAN FEST "

" EKSPEDISI BERAKIT PERDANA MAHASISWA 2007 "

29 Mei - 3 Jun 2007: Pekan Pahang, Program Khas Akademik ini melibatkan semua mahasiswa IPTA seluruh Malaysia dan mahasiswa ini ditempatkan di seluruh Kawasan Parlimen Pekan iaitu kawasan Bandar Pekan, Kawasan Chini, Kawasan Paloh Hinai, Kawasan Pantai dan Kawasan Peramu. Program ini telah di rasmikan oleh Y.A.B Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Ahli Parlimen Pekan pada 30 Mei 2007 bertempat di Dewan Konvensyen Pekan, Pahang.

Seramai 37 orang Pelajar UTeM terlibat dalam aktiviti yang dijalankan seperti program akademik untuk para pelajar di Pekan, aktiviti sukaneka, persembahan Malam Kebudayaan, Ceramah Motivasi, Ceramah Tokoh dan Ceramah Keibubajaan di kawasan Peramu, Pekan bersama-sama UM, UKM, UDM dan UNIMAP.

Selain daripada program khas akademik, 9 orang pelajar diketuai seorang Pegawai UTeM telah menyertai Ekspedisi Berakit Perdana Mahasiswa 2007 yang diadakan pada 30 Mei hingga 1 Jun 2007 bermula di Kampung Pulau Manis - Perhentian Di Kg.Gancong dan penamat di Taman Rekreasi JPS Pekan Pahang. Ekspedisi sejauh 68km ini melibatkan 28 penyertaan daripada IPTA dan IPTS Semenanjung Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum.

Program yang dianjurkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia adalah untuk memupuk semangat yang tinggi dikalangan pelajar yang terlibat bagi menempuh segala cabaran dan rintangan sepanjang ekspedisi berlangsung. Di samping itu juga memupuk cinta sungai kita dan mengeratkan perhubungan silahturrahim diantara kaum dan IPT di Malaysia. Program ini telah diakhiri dengan Majlis Penutup oleh Y.A.B Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.



KURSUS PENGURUSAN JENAZAH

Penganjuran Kursus Jenazah ini adalah kesinambungan daripada Kursus Pengurusan Jenazah yang telah dilaksanakan pada 15 Mac 2006 yang lepas. Justeru itu, ini merupakan siri ketiga kursus ini diadakan oleh Badan Dakwah dan Kerohanian Pelajar (BADAR).

Kursus Pengurusan Jenazah ini telah berjaya diadakan pada 25 Mac 2007 (Ahad) yang lepas dengan dihadiri mahasiswa/i seramai 80 orang dan 11 orang staf UTeM. Pada tahun ini kursus tersebut diadakan dengan kerjasama BAKUTKM dan agar program ini dapat dilanjutkan di kalangan staf UTeM.

Antara objektif utama program tersebut adalah untuk menjadikan Kursus Pengurusan Jenazah sebagai program tahunan BADAR yang juga dapat memberikan kesedaran bahawa setiap yang bernyawa pasti akan mati. Selain itu ianya memberi pendedahan dan penghayatan yang lebih akan kepentingan fardhu kifayah ini.

Semoga dengan adanya program seumpama ini akan membudayakan amalan rasa tanggungjawab di dalam diri mahasiswa/i dan disamping mempraktikkan apa yang dipelajari di masa akan datang baik pada masyarakat mahupun pada keluarga mereka sendiri.



Program Sukarelawan Mentor MENTEE Kelab Penyayang UTeM Bersama Anak-Anak Yatim PKAYIDJ

24 Mac 2007, Kelab Penyayang UTeM telah memulakan program mentor-mentee bersama anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Daerah Jasin. Seramai 16 ahli Kelab Penyayang UTeM telah menawarkan khidmat sebagai mentor di sana bagi membantu anak-anak yatim tersebut dari segi akademik di samping memberikan motivasi dan teknik-teknik serta tips pembelajaran dengan betul.

Sejurus sampai di sana, kami telah membahagikan pelajar-pelajar mengikut mentor masing-masing. Memandangkan anak-anak yatim di sana tidak begitu ramai, iaitu hanya 29 orang maka proses pengajaran menjadi lebih mudah dan kami dapat memberikan lebih perhatian kepada mentee masing-masing.

Proses pembelajaran berlanjutan sehingga jam 1 tengahari di mana pada waktu ini, kami dihidangkan dengan makanan tengahari oleh wakil rumah anak-anak yatim di sana. Suasana sebagai satu keluarga dapat dirasakan semasa makan bersama anak-anak yatim di situ. Mereka amat menghargai niat dan kehadiran kami yang ikhlas untuk membantu mereka dalam pelajaran mana yang mampu kami lakukan.

Jelas riak kegusaran di wajah mereka apabila tidak dapat memahami apa yang diajar tetapi dengan kesungguhan mentor mengajar terutamanya dalam matapelajaran matematik akhirnya mereka memahaminya. Berdasarkan pemerhatian dan hipotesis yang dibuat, anak-anak yatim di sana sebenarnya juga mempunyai potensi untuk berjaya seperti orang lain. Mereka sebenarnya memerlukan motivasi dan perangsang diri sebagai pendorong untuk mereka berjaya.



AWANAN SISWA 07
KERJASAMA MECO
2007
RESORT



Kursus Asas Keusahawanan SISWA UTeM (KAKS) Beri Manfaat Kepada Peserta

20-26 Mei 2007, Sutra Beach Resort Terengganu: Seramai 47 orang pelajar terdiri daripada 28 pelajar lelaki dan 19 pelajar perempuan telah menghadiri dengan jayanya Kursus Asas keusahawanan Siswa (KAKS).

Kursus ini dimulakan dengan ceramah Perkongsian Pengalaman Siswa dan Usahawan Kerjaya Pilihan yang disampaikan bekas pelajar UTeM sendiri yang telah menceburi bidang perniagaan. Untuk hari yang kedua dan ketiga peserta diberi pendedahan berkaitan dengan Ciri-Ciri Keusahawanan, Tatacara Undang-undang Penubuhan/Perniagaan Syarikat, Pentadbiran & Operasi Perniagaan, Pengurusan Pemasaran, Kejurujualan, Pengurusan Kewangan dan Konsep Perniagaan Francais oleh Pensyarah Pusat Usahawan UTeM.

Untuk hari keempat dan kelima peserta-peserta mengikuti sesi bengkel penyediaan rancangan perniagaan dimana setiap pelajar dibantu oleh fasilitator untuk menyediakan sebuah perancangan perniagaan. Disamping itu juga peserta – peserta diberi maklumat berkaitan bantuan SME serta program Keusahawanan Anjuran PUNB. Untuk hari keenam peserta-peserta mengikuti ceramah Motivasi Keusahawan oleh usahawan berjaya serta program ini diakhiri dengan simulasi I dan II yang diberikan oleh penyelaras program iaitu En. Ahmad Faizal bin Abdul Rahman.



Latihan Keusahawanan Siswa Modul 5

9 - 11 Mei 2007, Hotel Seri Malaysia, Bagan Lalang: Seramai 44 orang pelajar yang terdiri daripada 38 pelajar lelaki dan 6 pelajar perempuan telah menghadiri dengan jayanya Latihan Keusahawan Siswa Modul 5. Peserta-peserta ini telah mengikuti modul-modul sebelumnya.

Untuk modul 5, selama 3 hari 2 malam peserta-peserta ini di dedahkan dengan 6 slot ceramah iaitu slot 1 berkaitan kepimpinan, Slot 2 Komunikasi, slot 3 Perundingan perniagaan, Slot 4 Kejurujualan, slot 5 E- Dagang dan Slot terakhir Membuat Keputusan. Program ini diakhiri dengan ceramah Usahawan Siswa oleh penceramah jemputan.



Seminar Kenegaraan BTN UTeM 2007

10 Mac 2007 Ayer Keroh, Seminar Kenegaraan BTN UTeM 2007 anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Biro Tata Negara telah diadakan di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka . Majlis dimulakan dengan ceramah 1 bertajuk "Patriotisme Dan Kesetiaan Mahasiswa Mempertahankan Negara" yang telah disampaikan oleh En. Jabdin Juhat dan En. Azrinizam iaitu pegawai BTN Cawangan Mahasiswa & Remaja Putrajaya.

Ceramah 2 bertajuk "Warganegara Malaysia Yang Bersatupadu Mampu Membawa Malaysia Menghadapi Cabaran Globalisasi" telah disampaikan oleh Yang Berhormat, Dato' Shahril Abd. Samad, Ahli Parlimen Johor Bharu. Manakala, ceramah 3 bertajuk "Membina Warganegara Malaysia Bertaraf Dunia" telah disampaikan oleh Yang Berbahagia, Datuk Prof. Madya Dr. Abu Bakar Mohamad Diah, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, UTeM.

Sesi petang dimulakan dengan satu forum kenegaraan bertajuk "Semangat Patriotisme Menjana Keharmonian Masyarakat Malaysia Yang Cemerlang, Gemilang dan Terbilang" telah dijayakan oleh tiga orang ahli panel forum yang terdiri daripada Yang Berhormat Datuk Haji Idris Haron Ahli Parlimen Tangga Batu, Melaka, Yang Berhormat En. Razali Hj. Ibrahim, Ahli Parlimen Muar, dan Yang Berhormat En. Wong Nai Chee, Ahli Parlimen Kota Melaka, Melaka. Yang Berbahagia Prof. Dr. Shahrin Sahid, Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi UTeM telah mempengerusikan forum berkenaan.

Seminar yang dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Yaakub Md Amin, Ahli Exco Pendidikan Kerajaan Negeri Melaka (Pengerusi Jawatankuasa Negeri Pelajaran Dan Pengajian Tinggi) telah mendapat sambutan yang baik dikalangan pelajar. Seramai 1300 pelajar UTeM dari tahun 1 hingga 4 dan 'direct intake' telah menjayakan forum tersebut. Pemimpin-pemimpin pelajar yang diketuai oleh Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UTeM telah membantu menjayakan pelaksanaan forum Kenegaraan BTN UTeM 2007.

Berkat bimbingan dan keprihatinan Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Husain, Dekan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) UTeM serta naungan Datuk Prof. Ismail Hassan, Naib Canselor UTeM majlis Seminar Kenegaraan BTN UTeM 2007 berjaya mencapai matlamatnya.

Majlis Pelantikan Dan Akuan Sumpah Pegawai Kehormat Dan Anggota SUKSIS UTeM

Kor SUKSIS singkatan kepada KOR SUKARELAWAN polis Siswa/Siswi merupakan pasukan badan beruniform pertama yang diwujudkan di UTeM. Kor SUKSIS ditubuhkan pada tanggal 10 Julai 2006 dengan keanggotaan seramai 42 orang. Turut menganggotai SUKSIS adalah 5 orang staf yang bertauliah sebagai Pegawai Kor SUKSIS

Pada 28 Februari 2007 satu majlis bagi memperakukan pasukan ini telah diadakan. Seramai 42 siswa/siswi telah ditauliahkan keanggotaan. Manakala 5 orang staf telah mengangkat sumpah sebagai Pegawai Kehormat SUKSIS dimulai dengan Y.Bhg. Datuk Profesor Ismail Bin Hassan, Naib Canselor UTeM yang telah ditauliahkan komanden Kor SUKSIS dan Y.Bhg. Dato' Prof. Mohd Nor Husain, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM. Majlis Penyampaian watakah pentauliahkan ini telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Senior Asst. Commisioner II, Puan Zaleha Abdul Rahman iaitu Timb. Ketua Polis Melaka di Kampus Industri UTeM di Ayer Keroh.

Kebolehan Kor ini telah terbukti apabila pada 2 April yang lepas, pasukan ini telah menerima pemeriksaan Kawalan Kehormat oleh Tun Khalil Yaakob, Tuan Yang Terutama Di Pertua Negeri Melaka dan juga Y.B Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Pengajian Tinggi di Majlis Pelancaran Nama dan Logo UTeM DI Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka.



Pulau Pinang, 8 Jun : Unit Alumni dan Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Persatuan Alumni UTeM telah mengadakan Lawatan Rasmi ke Pejabat Perhubungan Alumni dan Rumah Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau-Pinang.

Delegasi yang diketuai oleh Penolong Pendaftar Unit Alumni dan Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, En. Tinta Firmannika Selamat dan enam anggota delegasi iaitu En. Syamsul Iqbal Mohd Akin (Unit Alumni dan Kerjaya HEPA), En. Azrul Aziz (Presiden Persatuan Alumni UTeM), En. Mohd Ludin Mohamed Rahim (Bendahari) dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Persatuan telah mengadakan pertemuan dengan Pengurus Pejabat Perhubungan Alumni USM, Puan Sharifah Munirah Al-Idrus dan para pegawainya di Pejabat Perhubungan Alumni USM.

Dalam pertemuan hampir dua jam, pelbagai pandangan dan isu telah dibangkitkan dan diperbincangkan bersama oleh Unit Alumni dan Kerjaya HEPA UTeM dan Persatuan Alumni UTeM dalam konteks mendapatkan input-input berkaitan khususnya dalam keberkesanan mendirikan Rumah Alumni Universiti disamping perancangan kewangan persatuan.

Delegasi dari Melaka turut dijamu makan tengahari oleh Pejabat Perhubungan Alumni USM. Di sesi petang pula, delegasi telah dibawa melawat ke Rumah Alumni USM dan diberi penerangan ringkas tentang sejarah penubuhan Rumah Alumni USM. Di akhir sesi lawatan, sebagai tanda kenangan, pertukaran cenderamata diadakan diantara kedua belah pihak.

Menurut Penolong Pendaftar Unit Alumni dan Kerjaya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM, En. Tinta Firmannika Selamat, program lawatan rasmi ke USM ini adalah yang kedua diadakan diantara Unit Alumni dan Kerjaya dan Persatuan Alumni UTeM, selepas lawatan ke UTM Skudai. Menurut beliau lagi, pelbagai siri lawatan rasmi ke Instituti Pengajian Tinggi Awam seperti Universiti di sekitar Lembah Klang sedang dirangka khususnya dalam memantapkan organisasi unit dan persatuan agar seiring dan sejalan dalam mencapai misi dan visi UTeM.

Unit Alumni dan Kerjaya dan Persatuan Alumni UTeM ke USM



Aktiviti Kelab Penyayang

Program Mentor-Mentee Bersama Kelab Penyayang UTeM

- Kelab Penyayang UTeM telah mengadakan sesi kelas tuisyen di Rumah Anak Yatim Islam Daerah Jasin. Sebanyak 3 sesi kelas tuisyen telah diadakan bermula dari 2 Februari 2007 hingga 24 Mac 2007.
- Interaksi Dua Hala Kelab Penyayang UTeM dan Kelab Penyayang USIM
Kelab Penyayang UTeM telah menerima lawatan balas dari Kelab Penyayang USIM pada 31 Mac 2007.
- Program Khidmat Mahasiswa UTeM di Rumah Kebajikan Masyarakat Sekitar Negeri Melaka
- Program ini dirancang dan dilaksanakan oleh Exco Perpaduan Dan Kemasyarakatan MPP. Rumah Kebajikan Masyarakat yang dipilih adalah Rumah Sri Kenangan Cheng, Melaka. Siri pertama program telah dilaksanakan pada 24 Mac 2007. Manakala siri ke II dan III akan dilaksanakan pada semester hadapan.
- Program 'Dedication and Appreciation Day'
Program ini telah diadakan pada bulan Mac 2007 di sekitar Kafeteria, Kampus Industri UTeM, One-Stop Centre, Fasa B UTeM dan Kolej-kolej Kediaman Murni, Bunga Raya dan TTU 3.
- Program Kunjungan Mesra Kelab Penyayang UTeM Ke Yayasan Budi Penyayang Malaysia & Kelab Penyayang IPTA
- Fokus utama Kelab ini adalah ingin membuat kunjungan ke Kelab Penyayang UUM & USM kerana mereka ini telah lama diwujudkan dan telah bergiat aktif di dalam Universiti bagi menyokong program-program yang berunsurkan sukarelawan sepertimana yang telah disarankan oleh Yayasan Budi Penyayang Malaysia. Secara tidak langsung akan mewujudkan hubungan dua hala antara semua pihak yang terlibat sama ada Kelab Penyayang IPT mahupun Yayasan Budi Penyayang Malaysia. Tema bagi program ini adalah "Le Tour DeAll Penyayang Club" yang ingin menjalinkan hubungan kerjasama dikalangan mahasiswa meliputi soal-soal kepimpinan, keupayaan, team-working dan sebagainya. Di samping itu juga dapat meningkatkan tahap pengetahuan dan pemikiran ke arah pembangunan modal insan di dalam diri mahasiswa.

UTeM Giatkan Promosi di Kalangan Pelajar Kolej Matrikulasi.



Changlun Kedah 2 - 3 Februari 2007, Selaras untuk memperkenalkan UTeM kepada Pelajar Kolej Matrikulasi Kedah (KMK), pelbagai program telah dirancang untuk mempromosikan UTeM dengan mengadakan sesi dialog bersama ahli Kelab Dinamik KMK disamping mengadakan pameran bagi memberi penerangan tentang kursus-kursus yang ditawarkan dan kemudahan-kemudahan yang terdapat di UTeM.

Seramai 44 orang pelajar UTeM terlibat dalam program ini dan kedatangan mereka disambut dengan meriah oleh Jawatankuasa Perwakilan Pelajar KMK. Majlis penutup telah dilancarkan oleh Ketua Jabatan Sastera Ikhtisas KMK. Semoga program seumpama ini dapat mengeratkan lagi perhubungan silaturahim antara pelajar KMK dengan pelajar UTeM dan dapat bertukar-tukar pendapat dalam meningkatkan lagi kreativiti dan inovasi pelajar UTeM dan KMK.



Kursus Pemantapan Jati Diri dan Kecemerlangan Akademik Pelajar Matrikulasi Pulau Pinang

22 - 25 Februari 2007 : Pelajar UTeM sekali lagi berbakti menyumbang tenaga, idea dan masa bagi menjayakan Kursus Pemantapan Jati Diri Dan Kecemerlangan Akademik Pelajar Matrikulasi yang telah diadakan di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang. 4 hari berkampung disana, pelbagai aktiviti yang dilakukan antaranya ice-breaking, LDK, tazkirah, senamrobik dan sebagainya.

Aspek yang amat ditekankan kepada pelajar matrikulasi ialah Cabaran Globalisasi dan Pengantarabangsaan pada masa kini serta penerangan ringkas tentang UTeM serta kursus-kursus yang akan dipilih apabila menyambung pelajaran kelak. Majlis perasmian penutup telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Prof. Dr. Mohd. Nor Husain, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM.

Program Ramah Mesra Bersama MPP UTeM dan MPP UUM, UIA dan UPM.

Agenda lain ialah program Tour Universiti pada 13 - 15 Februari. Program ini telah mendapat sokongan yang padu daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dengan Exco Perhubungan dan Pengantarabangsaan Majlis Perwakilan Pelajar UTeM. Program ini telah disertai oleh 35 orang termasuk 16 orang MPP. Pelajar UTeM telah bertolak ke destinasi pertama iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) Sintok, Kedah dan telah disambut dengan mesra oleh Timbalan Yang Di Pertua MPP UUM.

Satu sesi ramah mesra bersama MPP UUM dengan UTeM telah diadakan. Delegasi UTeM telah dijemput untuk melawat student mall yang merupakan tempat pelajar-pelajar UUM melakukan pelbagai aktiviti perniagaan. Pada 13 Februari 2007, pelajar UTeM telah bertolak ke UIAM Pelbagai aktiviti menarik yang diadakan antaranya lawatan kampus UIAM, melawat setiap fakulti-fakulti. Selesai saja aktiviti di UIAM, delegasi UTeM bertolak ke UPM pula. Delegasi UTeM telah pergi melawat ladang-ladang yang terdapat di UPM antaranya ladang kuda dan tapak pesta konvokesyen. 15 Februari 2007, delegasi UTeM bertolak ke Melaka. Hasil daripada lawatan ini pelajar UTeM dapat menambahkan ilmu bagi mengadakan aktiviti di di kampus UTeM.



MAJLIS SPRING FESTIVAL SEMPENA TAHUN BARU CINA 2007



Majlis Spring Festival sempena Tahun Baru Cina 2007 telah berjaya diadakan pada 4 Mac 2007 (Ahad) di Kompleks Belia dan Sukan Ayer Keroh, Melaka dengan dihadiri seramai 550 orang mahasiswa/i UTeM yang berbilang bangsa dan agama. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Nor Husain Dekan HEPA dengan memukul rebana. Para pengunjung yang hadir pada malam tersebut terhibur dengan pelbagai persembahan dan aksi yang ditunjukkan oleh mahasiswa/i UTeM.

Antara persembahan yang dipersembahkan pada malam tersebut ialah tarian singa, lakonan, nyanyian, band dan sebagainya. Antara matlamat yang ingin diterapkan dalam program ini adalah untuk melahirkan masyarakat yang berbilang kaum yang sepakat dan bersatu padu. Secara tidak langsung akan mewujudkan sikap toleransi dan komunikasi yang baik dengan mahasiswa/i UTeM yang berbilang bangsa. Ini juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara kaum.

ATLIT OLAHRAGA UTeM MENYERLAH DI ARENA SUKAN MASUM 2007

UTeM - Pada 23 hingga 25 Mac 2007, bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (UKM) telah berlangsungnya Kejohanan Trek & Padang Sirkuit Terbilang Masum 2006/2007. Sebelum ke peringkat Sirkuit Terbilang, para atlet telah menempuh 2 sirkuit terawal iaitu Sirkuit Cemerlang di UiTM Arau, Perlis pada 2 hingga 4 Februari 2007 dan Sirkuit Gemilang bertempat di UIAM, Gombak pada 2 hingga 4 Mac 2007. Berikut adalah senarai atlet, acara dan keputusan kejohanan:

BIL	NAMA ATLIT	ACARA	KEJAYAAN
1.	SANGGARA RAO A/L SIMASALAM	10KM BERJALAN KAKI	PINGAT EMAS
2.	MOHD ZAHEEN B. AB. RASHID	800 M	PINGAT PERAK
3.	MARLIZA BT. ZAKARIA	LONTAR PELURU	TEMPAT KE-4
4.	NORMAN JEFF MUNTOK	400 M	TEMPAT KE-5
5.	PRAKASH A/L VELLAYAN	5000 M	LAYAK KE AKHIR
6.	AB. MALEK B. ZOLKEFLI	LONTAR PELURU	LAYAK KE AKHIR, SIRKIT GEMILANG

Atlit Olahraga UTeM telah menunjukkan peningkatan yang membanggakan & berazam untuk beraksi di edisi akan datang. Sesungguhnya kejayaan ini akan dapat diraih hasil dari komitmen atlit & jurulatih. Pihak Hal Ehwal Pelajar & Alumni melalui Unit Sukan & Rekreasi akan merancang untuk membangunkan sukan olahraga sebagai salah satu sukan pilihan di peringkat universiti. Ini sejajar dengan hasrat Y.Bhg Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni Dato' Prof. Dr. Mohd Nor Hussain yang mahukan pelajar UTeM cemerlang bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi cemerlang dalam bidang lain seperti sukan.

